

# **CONTOH JAWAPAN**

**Pelajar boleh memilih tajuk lain berdasarkan tajuk dalam buku teks tingkatan 1, 2 atau 3. (tajuk perlu dibincangkan bersama guru).**

**Pernyataan Masalah:**

**Nama Penulis: (MESTI DITULIS DI SEMUA MUKA SURAT)**

**Semua hasil mestilah bertulis tangan menggunakan kertas kajang (foolscap paper) bersaiz A4**

## **1.0 Perancangan (18 markah)**

**1.1 Tajuk Kajian:** Mesti dalam bentuk pernyataan masalah

**Jika memilih tajuk ini.**

Wajib ada perkataan PENDIDIKAN + (boleh dalam bentuk soalan terbuka seperti pernyataan idea, masalah atau hipotesis untuk diuji sebagai tujuan penyelidikan)

### **CONTOH: Pernyataan masalah**

(Pendidikan formal sebelum kedatangan British membuktikan rakyat di negara kita hidup dalam kemakmuran tanpa perlu campur tangan barat. Buktikan)

(Pendidikan tidak formal mempengaruhi pendidikan formal. Buktikan)

(Pendidikan vernakular barat menyebabkan wujudnya masalah perpaduan. Buktikan)

(Sistem pendidikan negara kita dipengaruhi oleh sistem pendidikan barat. Buktikan.)

(Sistem pendidikan formal telah wujud sebelum kedatangan kuasa asing. Buktikan.)

Kaji dari segi perbezaan/Masalah

Contoh:

-Perbandingan

-Perbezaan - Sistem Sukatan Pelajaran/ Peperiksaan

Masalah/Kekurangan- fasiliti/ Pelaksanaan/ perkembangan, Sistem peperiksaan

## 1.2 Jadual Kerja / Senarai Semak (1 hingga 2 muka surat)

\*Ini hanya contoh

Bil	Tarikh	Perkara	Catatan
1	2 Mei 2019	Menerima taklimat daripada guru mata pelajaran Sejarah.  Membuat perbincangan dengan guru dan rakan-rakan sekolah	<b>*Boleh tulis Tempat/ Siapa /atau apa-apa maklumat dirasakan perlu</b>
2	3 Mei 2019	Membuat rujukan awal berkaitan dengan tajuk yang diberikan di Internet, Laman Web dan Majalah.	Dibuat di rumah kawan
3	4 Mei 2019	Objektif Kajian dicadangkan  Kaedah Kajian dicadangkan untuk memudahkan rujukan maklumat.	Perbincangan bersama kumpulan
4	5 Mei 2019	Mendapatkan maklumat tentang orang sumber	
5	6 Mei 2019	Transkrip temubual dan soal selidik disediakan	
6	7 Mei 2019	Menemuramah orang sumber	
7	10 Mei 2019	Proses Awal iaitu mengumpul maklumat berdasarkan sumber rujukan dilakukan	
8	12 Mei 2019	Menyiapkan proses awal	
9	13 Mei 2019	Menghantar Perancangan dan Proses awal -Objektif Kajian -Kaedah Kajian -2.1 Maklumat berdasarkan sumber rujukan	
10	21 Mei 2019	Menulis 3.1 Pengenalan/definisi	
	22 Mei 2019	Menulis 3.2	

11	23 Mei 2019	Menulis 3.3	
12	11 Jun 2019	Menulis 3.4	
13	12 Jun 2019	-3.5 Cadangan -3.6 Menulis rumusan -3.7 Menulis rujukan	
14	13 Jun 2019	-Menyusun hasil kerja dan melengkapkan kajian -Menghantar laporan lengkap	
15	17 Jun 2019	Pembentangan	

### 1.3 Objektif Kajian: (1/2 muka surat)

Kerja kursus ini dilaksanakan bagi menenuhi beberapa objektif:

Tulis sekurang-kurangnya 4 objektif dengan kata kerja berikut:

#### Contoh Objektif

- Memahami sistem pendidikan formal
- Mengenalpasti Pendidikan formal zaman sebelum merdeka
- Mengetahui pendidikan formal masa kini
- Menghuraikan
- Menganalisis
- Menyatakan
- Mengkaji
- Memenuhi
- Memberikan
- Dan mana-mana kata kerja yang dirasakan sesuai

---

Contoh: Menghuraikan definisi pendidikan menurut pandangan tokoh Sejarawan.

Menganalisis pendidikan formal sebelum kedatangan British.

Mengkaji sistem pendidikan di Sarawak sewaktu penjajahan British.

Memahami sistem pendidikan di Sarawak selepas merdeka.

Memberikan cadangan sistem pendidikan pada masa akan datang.

#### **1.4 Kaedah Kajian: (1/2 hingga 1 muka surat)**

Terdapat beberapa kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul maklumat secara sistematis dan relevan bagi menjayakan tugas ini antaranya adalah:

##### **1. Kaedah Temubual:**

Kaedah Temubual dipilih kerana maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar merujuk kepada tempat kajian. Selain itu.....

Kaedah ini juga boleh membantu .....

Antara kebaikan menggunakan kaedah ini adalah ....

Nama orang sumber yang telah ditemubual ialah ... Beliau telah ditemubual pada.. di kediaman beliau di alamat ...

##### **2. Kaedah Penyelidikan Perpustakaan**

Saya turut merujuk akhbar-akhbar untuk memastikan kesahihan fakta yang ada. Kaedah penyelidikan perpustakaan dipilih kerana maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar merujuk maklumat yang sahih daripada akhbar-akhbar yang boleh dipercayai.

Selain itu,saya turut merujuk majalah berkaitan..... untuk memastikan kesahihan fakta yang ada. Kaedah Majalah dipilih kerana maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar merujuk oleh sumber yang boleh dipercayai. Disamping ianya menerangkan secara terperinci tentang maklumat yang diperlukan untuk menerangkan tentang.....

\*Gunakan sekurang-kurangnya 4 kaedah kajian

Kaedah kajian	Sumber (mesti ada bukti)
1. Kaedah Temubual	<ul style="list-style-type: none"> <li>-orang sumber (<b>gambar pelajar bersama orang sumber dan transkripsi temubual lengkap soalan dan jawapan</b>).</li> <li>-soal selidik (<b>soalan temubual yang telah dijawab disertakan</b>) salinan fotostat diterima/kongsi dengan kawan.</li> <li>-telefon (<b>transkripsi temubual lengkap soalan dan jawapan</b>)</li> </ul> <p><b>Cth:</b> Encik Ismail bin Mohd Kassim, 43 tahun, No. 21, Jalan Lundu 7, Taman Beringin 52000 Kuala Lumpur.</p>
2.Kaedah Penyelidikan Perpustakaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>-carta organisasi</li> <li>-buku</li> <li>-majalah</li> <li>-jurnal</li> <li>-apa-apa bahan bercetak</li> </ul> <p><b>(fotostat depan muka buku dan tulis rujukan nama penulis, tahun, tajuk, tempat:Penerbit)</b></p> <p><b>Cth:</b> Lofti Ismail, 1988. <i>Sejarah Malaysia 1400-1963</i>. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.</p>
3. Kaedah Melayari Internet	<ul style="list-style-type: none"> <li>Apa-apa bahan internet</li> <li>-whatsapp</li> <li>-facebook</li> <li>-blog</li> <li>-telegram</li> <li>-suratkhabar online</li> </ul> <p>(Screen shot/cetak dan lampirkan)</p> <p><b>Cth:</b> <a href="http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm">http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm</a></p>

4. Menganalisis dokumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Minit mesyuarat</li> <li>-sijil</li> <li>-perjanjian</li> <li>-mana-mana dokumen (lampirkan)</li> </ul> <p><b>Cth:</b> Jenis sumber, alamat/punca sumber</p>
5. Kaedah lawatan dan pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> <li>-papan notis</li> <li>-plaque perasmian</li> <li>-gambar tempat yang dilawat (mesti ada pelajar dalam gambar)</li> <li>-pemerhatian (gambar) atau pemerhatian fizikal atau pemerhatian tanpa gambar (jika tiada gambar dapatkan orang sumber sebagai bukti untuk mengukuhkan pemerhatian anda)</li> </ul> <p><b>Cth:</b> Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim, 50605 Kuala Lumpur.</p>
6. Kaedah Audio Visual	<ul style="list-style-type: none"> <li>-CD</li> <li>-video</li> <li>-TV</li> <li>-radio</li> <li>-youtube</li> </ul> <p>(nyatakan jenis sumber, bila tarikh dan apa maklumat yang diperolehi)</p> <p><b>Cth:</b> <b>VCD</b> Tajuk program, terbitan <b>Radio</b> Tajuk program, tarikh, masa, rangkaian. <b>Televisyen</b> Tajuk program, tarikh, masa, rangkaian.</p>

\*Kaedah Bimbingan Guru bukan kaedah kajian - pastikan jangan guna kaedah ini.

## 2.0 Proses Awal

2.1 Mengumpul maklumat berdasarkan sumber rujukan (18 markah)  
 (2 hingga 3 muka surat)

Bi I	Sumber Rujukan	Perkara	Catatan
1	<p>Internet  <a href="http://www.theborneopost.com/2015/09/03/14">http://www.theborneopost.com/2015/09/03/14</a></p> <p><a href="http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm">http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm</a></p> <p>Buku          Lofti Ismail, 1988. <i>Sejarah Malaysia 1400-1963</i>. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.</p> <p>Encik Ismail bin Mohd Kassim, 43 tahun, No. 21, Jalan Lundu 7, Taman Beringin 52000 Kuala Lumpur.</p>	<p><b>3.1 Pengenalan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Definisi</li> <li>- Ciri-ciri</li> </ul>  <p>-definisi / pendapat orang sumber</p>  <p>*Gambar hanya perlu hitam putih. Gambar berwarna simpan untuk pembentangan.</p>	<p>Rujuk lampiran 1</p> <p>Rujuk lampiran 2</p> <p>Rujuk lampiran 6</p> <p>Rujuk lampiran temubual</p>
2	<p>Internet  <a href="http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm">http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm</a></p>	<p><b>3.2 Pendidikan formal sebelum kedatangan British.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis-jenis</li> <li>- (apa-apa maklumat berkaitan)</li> </ul>	<p>Rujuk lampiran 2</p>
3		<p><b>3.3 Pendidikan formal selepas kedatangan British</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-ciri-ciri</li> <li>-Jenis-jenis</li> <li>-(apa-apa maklumat berkaitan)</li> </ul>	

4		<b>3.4 Pendidikan formal selepas merdeka</b>	
5		<b>3.5 Cadangan</b> -Cadangan 1 ..... Huraian ..... -Cadangan 2..... Huraian .....	
6		<b>3.6 Rumusan</b>	

### **3.7 Rujukan (cara penulisan format yang betul rujuk soalan)**

- berkaitan dan berhubung kait dengan kaedah kajian
- sumber rujukan berkredibiliti untuk peristiwa yang dikaji

**Cth:**

**Internet**

<http://www.theborneopost.com/2015/09/03/14>  
<http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm>

**Buku**

Lofti Ismail, 1988. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

**Orang Sumber:**

Encik Ismail bin Mohd Kassim, 43 tahun, No. 21, Jalan Lundu 7, Taman Beringin 52000 Kuala Lumpur.

**3.0 Pelaporan (36 markah) (Ditulis dalam kelas)****3.1 Pengenalan/ definisi**

( $\frac{3}{4}$  muka surat)

Sekurang-kurangnya 3 perenggan

**3.2 Pendidikan sebelum kedatangan British**

(1 muka surat penuh - tulisan sederhana (saiz font 14). Sekurang-kurangnya 5 perenggan.

**3.3 Pendidikan semasa kedatangan British**

(1/2 muka surat - tulisan sederhana (saiz font 14). Sekurang-kurangnya 3 perenggan

**3.4 Pendidikan selepas merdeka**

(1/2 muka surat penuh -Sekurang-kurangnya 3 perenggan.)

**3.5 Perbandingan**

(1 muka surat - tulisan sederhana (saiz font 14). Sekurang-kurangnya 5 perenggan.

**3.6 Rumusan ( $\frac{3}{4}$  muka surat)****3.7 Rujukan**

**Penilaian umum - tugas yang kemas, tersusun dan penggunaan bahasa yang gramatis.**

### **Contoh penggunaan bahasa yang gramatis:**

Dengan mengambil kira persekitaran yang dinamik mempengaruhi ekosistem pembelajaran, faktor yang penting adalah untuk memastikan kemenjadian murid–murid yang seimbang ilmu dan akhlaknya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tidak dapat dinafikan terdapat suara sinis yang begitu skeptikal dengan usaha kerajaan memartabatkan sistem pendidikan negara. Antara ayat yang sering digunakan termasuk “polisi yang sering berubah”, “pendidikan dipolitik dan dibisneskan” atau “pendidikan masih mencari identiti” dan selalu juga perbandingan dibuat dengan negara maju yang lain.

Dalam mencelikkan minda daripada pemikiran yang agak dangkal ini, seperkara yang kita harus faham adalah secara relatifnya, negara kita masih muda berbanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih ‘baik’. Oleh yang demikian **sudah terang lagi bersuluhan**, semakin hari kita semakin menghampiri ambang 2020 dan tentunya memartabatkan pendidikan sejajar dengan negara maju menjadi satu cabaran kepada semua pihak. Oleh itu, kita sebagai pelajar perlulah bekerjasama **bak aur dengan tebing** untuk melestarikan pendidikan dan memastikan kejayaan pelajar dan pihak kerajaan seiring dan hubungan erat **bak isi dengan kuku** dapat dijalankan.

Pembentangan - membentangkan hasil kajian dengan jelas dan menunjukkan kematangan serta kelancaran menyampaikan hasil berdasarkan kerangka kasar (**12 markah**)

Kebolehan Membuat refleksi / menjawab soalan guru (**6 markah**)

Etika dan kerohanian (penilaian berterusan daripada menepati arahan guru/ mematuhi tarikh penghantaran/ sikap keseluruhan dinilai daripada 2 Mei hingga 28 Jun) (**10 markah**)

**Jumlah Markah 100 markah**

Jadual 1: Tahap Penguasaan dan Skor Mengikut Dimensi.

DIMENSI	TAHAP PENGUASAAN	SKOR
<b>Mengumpul Maklumat</b>	1	1 - 3
	2	4 - 6
	3	7 - 9
	4	10 - 12
	5	13 - 15
	6	16 - 18
<b>Merancang</b>	1	1 - 3
	2	4 - 6
	3	7 - 9
	4	10 - 12
	5	13 - 15
	6	16 - 18
<b>Aplikasi</b>	1	1 - 6
	2	7 - 12
	3	13 - 18
	4	19 - 24
	5	25 - 30
	6	31 - 36
<b>Membuat Refleksi</b>	1	1
	2	2
	3	3
	4	4
	5	5
	6	6
<b>Berkomunikasi</b>	1	1 - 2
	2	3 - 4
	3	5 - 6
	4	7 - 8
	5	9 - 10
	6	11 - 12
<b>Etika dan Kerohanian</b>	1	1
	2	2
	3	3 - 4
	4	5 - 6
	5	7 - 8
	6	9 - 10